



## **SOALAN LAZIM (FAQ)**

### **BERKAITAN PENGOPERASIAN INSTITUSI PENDIDIKAN**

### **BAWAH KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA TAHUN 2021**

- 1. Adakah kebenaran pengoperasian institusi pendidikan bagi tahun 2021 melibatkan semua kategori institusi pendidikan swasta (IPS)?**

Ya, kebenaran pengoperasian institusi pendidikan bagi tahun 2021 melibatkan semua kategori IPS iaitu tadika, sekolah dan pusat.

- 2. Adakah IPS dibenarkan beroperasi secara bersemuka?**

Ya, tertakluk kepada pematuhan Garis Panduan Pengurusan dan Pengoperasian Sekolah dalam Norma Baharu yang dikeluarkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) pada 5 Oktober 2020. Garis panduan ini boleh dirujuk pada pautan <https://www.moe.gov.my/pemberitahuan/pengumuman/gp-pp-sekolah-norma-baharu>.

- 3. Bilakah IPS boleh mula beroperasi secara bersemuka?**

IPS boleh beroperasi berdasarkan takwim masing-masing, kecuali IPS kategori sekolah yang melaksanakan Kurikulum Kebangsaan. Sekolah tersebut, iaitu sekolah rendah akademik, sekolah menengah akademik, sekolah rendah agama dan sekolah menengah agama, perlu mematuhi takwim persekolahan sekolah kerajaan dan sekolah bantuan kerajaan yang akan mula beroperasi pada 20 Januari 2021.

Takwim ini boleh dirujuk di laman sesawang KPM di [www.moe.gov.my/takwim](http://www.moe.gov.my/takwim).

**4. Adakah tadika swasta boleh memulakan sesi persekolahan secara bersemuka sebelum 20 Januari 2021?**

Ya.

**5. Adakah IPS di kawasan Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) dibenarkan beroperasi secara bersemuka?**

Ya, pengoperasian IPS adalah tertakluk kepada pematuhan Garis Panduan Pengurusan dan Pengoperasian Sekolah dalam Norma Baharu yang dikeluarkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) pada 5 Oktober 2020. Garis panduan ini boleh dirujuk pada pautan

<https://www.moe.gov.my/pemberitahuan/pengumuman/gp-pp-sekolah-norma-baharu>.

**6. Adakah IPS masih boleh meneruskan pengajaran dan pembelajaran di rumah (PdPR)?**

Ya, IPS boleh meneruskan pelaksanaan PdPR mengikut kesesuaian.

- TAMAT -